

**PENGINTEPRETASIAN KESALAHAN *ILA'* DALAM ENAKMEN
UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(NEGERI MELAKA) 2002**

Shadli Sabarudin¹

E-JITU

Acceptance date:
15 December 2019

Valuation date:
15th Jan 2020

Publication date:
6th May 2020

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menginterpretasi kesalahan ila' dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 (EUKIM 2002). Apabila seorang suami telah melakukan ila', maka dia boleh dituduh dan didakwa melakukan kesalahan itu. Namun begitu, EUKIM 2002 tidak memperuntukkan secara khusus bagi kesalahan ila'. Permasalahan kajian ialah tiada panduan bertulis untuk mengenakan hukuman ke atas kesalahan ila'. Objektif kajian ialah pertama, meneliti ila' menurut fiqh. Kedua, menginterpretasi peruntukan undang-undang mengenai kesalahan ila' dalam EUKIM 2002. Bagi tujuan pengumpulan data, pengkaji telah menggunakan kaedah kajian kualitatif iaitu kaedah analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat kesalahan ila' dalam fiqh dengan mengenakan kafarah (denda) terhadap pelakunya. Selain itu, terdapat peruntukan ila' sebagai suatu kesalahan di bawah Seksyen 128, EUKIM 2002. Kesimpulan kajian mendapati seorang suami yang melakukan ila' boleh dituduh, didakwa dan disabitkan atas kesalahan itu di bawah seksyen tersebut walaupun enakmen tidak memperuntukkan ila' secara khusus. Kajian ini memberi implikasi terhadap pembentukan formula dengan penambahbaikan seksyen dalam enakmen.

Kata kunci: *Ila'*, fiqh, interpretasi, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002

PENDAHULUAN

Ila' merupakan salah satu aspek dalam bab munakahat yang mengandungi hukuman (kafarah) yang dikenakan ke atas suami yang melakukannya. Justeru, kajian ini akan mengetengahkan penelitian mengenai *ila'* menurut fiqh dari sudut definisi dan bentuk-bentuk kafarah tersebut yang wajib ditunaikan oleh pelakunya. Kajian ini juga akan menginterpretasi peruntukan undang-undang mengenai kesalahan *ila'* dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 (EUKIM 2002). Pada dasarnya tiada peruntukan secara khusus bagi kesalahan *ila'* dalam enakmen tersebut, namun seorang suami boleh dituduh,

¹ Pensyarah ACIS UiTM Puncak Alam; Peguam Syarie Negeri Melaka; Panel Hakam Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS).

didakwa dan disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Syariah berdasarkan seksyen yang diinterpretasi secara tersirat sebagai kesalahan berkaitan dengan *ila'*. Hasil kajian ini, pengkaji turut mengemukakan cadangan yang perlu dimasukkan dalam peruntukan enakmen sebagai penambahbaikan panduan dalam kalangan masyarakat serta pengamal undang-undang.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi memenuhi objektif tertentu iaitu:

1. Meneliti hukum *ila'* menurut fiqh.
2. Menginterpretasi peruntukan undang-undang mengenai kesalahan *ila'* dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002.

DEFINISI ILA'

Dalam kitab *Mu'jam al-Ta'rifat*, perkataan *ila'* dari segi bahasa bermaksud sumpah (al-Jurjani, 1413 H). Manakala istilah syarak pula, *ila'* bermaksud sumpah suami bahawa dia tidak akan bersetubuh dengan isterinya selama empat bulan atau lebih atau dengan tidak menyebut masa. Dalam erti kata yang lain, *ila'* akan berlaku apabila seorang suami yang boleh menjatuhkan talak, bersumpah untuk tidak menyetubuhi isterinya dalam tempoh masa yang disebutkan tadi. Jika sumpahnya kurang daripada empat bulan, maka ia hanya menjadi sumpahan biasa sahaja, namun tetap diwajibkan membayar kafarah (denda) jika dia ingin menyetubuhi isterinya (al-Zuhaili, 1985 M), (al-Sharbini, 1985 M).

Jika suami telah bersumpah dengan berkata: “Demi Allah aku tidak akan bersetubuh dengan engkau”, sama ada ditentukan tempoh masanya ataupun tidak, dia hendaklah menunggu sehingga tempoh empat bulan. Apabila suami menyetubuhi kembali isterinya sebelum cukup tempoh empat bulan, suami wajib membayar kafarah *ila'*, tetapi sekiranya telah cukup empat bulan dan suami masih enggan menyetubuhi isterinya, isteri berhak membuat aduan kepada hakim. Hakim berhak mengarahkan suami untuk memilih sama ada menyetubuhi isterinya atau menceraikannya. Jika suami tetap tidak mahu melakukan salah satu daripada pilihan tersebut, hakim berhak menceraikan isterinya secara paksa (al-Zuhaili, 1985 M). Berhubung dengan hukum *ila'* ini Allah SWT telah berfirman:

Kepada orang-orang yang bersumpah tidak akan mencampuri isteri-isteri mereka, diberikan tempoh empat bulan. Setelah itu jika mereka kembali (mencampurinya), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani (al-Baqarah: 226).

KAFARAH ILA'

Berhubung dengan kafarah *ila'* pula, Allah SWT menjelaskan dalam firman-Nya:

Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah oleh-Nya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah, dan jagalah (peliharalah) sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (hukum-hakam agamanya) supaya kamu bersyukur (al-Maidah: 89).

Berdasarkan ayat di atas, bentuk serta jumlah kafarah (denda) yang wajib dibayar merupakan pilihan antara salah satu daripada tiga perkara (Ibn Kathir, 1424 H), (al-Tabari, 1415 H) berikut:

1. Memberi makanan yang mengenyangkan kepada sepuluh orang miskin (setiap seorang secupak daripada apa yang menjadi makanan asasi penduduk tempatan). Tidak sah menggantikannya dengan wang tunai kecuali jika wang itu benar-benar dapat diperuntukkan bagi membeli makanan yang sama sukatanya; atau,
2. Memberi pakaian kepada sepuluh orang miskin (setiap seorang dengan sepasang pakaian yang boleh menutup tubuh mereka). Jenis pakaian hendaklah mengikut kesesuaian, keperluan dan budaya setempat. Tidak sah memberikan pakaian yang terlalu nipis, usang atau terkoyak kerana manfaatnya terlalu sedikit. Disunatkan memberi pakaian yang baru (al-Sharbini, 1985 M) atau,
3. Memerdekakan seorang hamba lelaki atau perempuan yang beragama Islam, tidak cacat dan boleh bekerja. Walaupun kafarah membebaskan hamba disebut pada tempat yang ketiga, iaitu selepas kafarah memberi makanan dan pakaian, namun ia lebih diutamakan jika seseorang itu mampu kerana membebaskan hamba lazimnya ditetapkan sebagai kafarah yang paling utama dalam kebanyakan jenis kafarah. Walau bagaimanapun, sah kafarah jika ia memilih untuk memberi makanan atau pakaian kepada orang miskin, sedangkan ia mampu melepaskan seorang hamba kerana maksud ayat di atas adalah memberikan pilihan dan bukan menetapkan susunan keutamaan (Juraish Kamaruddin al-Muhami, 2008).

4. Sekiranya tidak mampu juga untuk menunaikan salah satu daripada syarat-syarat di atas, maka hendaklah berpuasa selama tiga hari.

Ila' diharamkan dalam Islam kerana ia mengakibatkan kemudaratan dan penganiayaan terhadap isteri. *Ila'* pada asalnya merupakan salah satu cara suami untuk menceraikan isterinya pada zaman jahiliah yang mana biasanya orang lelaki bersumpah tidak mahu meniduri isterinya selama setahun atau dua tahun atau lebih daripada tempoh tersebut dengan tujuan hendak menganiaya dan menyeksa si isteri. Selama tempoh itu, isteri seperti digantung tidak bertali kerana tidak diceraikan terus. Setelah kedatangan Islam, Allah SWT mengatur masalah *ila'* ini dan menetapkan tempoh maksimum selama empat bulan (al-Zuhaili, 1985 M).

Hikmah Islam memberikan tempoh empat bulan itu adalah untuk memberi masa kepada suami untuk berfikir dengan tenang akan apa yang telah dilakukan terhadap isterinya serta memberinya peluang untuk kembali sebagai suami isteri semula. Bagi pihak isteri pula, tempoh empat bulan pada lazimnya sudah memadai untuk dia bersabar terhadap tindakan suaminya itu. Hukum kafarah atau denda terhadap perbuatan *ila'* itu sendiri adalah sebagai peringatan dan pengajaran agar pihak suami tidak bertindak terburu-buru mengucapkan kalimah sumpah semata-mata kerana mahu menyakiti pasangannya. Oleh sebab itu, kafarah sumpah hanya dikenakan kepada pihak suami.

PENGINTEPRETASIAN KESALAHAN *ILA'* DALAM ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002

Di Malaysia peruntukan tentang *ila'* secara khusus tidak terdapat di dalam mana-mana Enakmen, Akta atau Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri. Walau bagaimanapun, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 ada memperuntukkan secara tersirat bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk membicarakan kes *ila'*. Peruntukan Seksyen 49(3)(b)(i) menyatakan Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu ialah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan pertunangan, perkahwinan, rujuk, perceraian, pembubaran perkahwinan (*fasakh*), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (*faraq*) atau apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan perhubungan antara suami dan isteri.

Berdasarkan klausa “apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami dan isteri”, dapat difahami bahawa bidang kuasa *ila'* juga termasuk dalam perkara tersebut kerana “apa-apa perkara” adalah terbuka dan tidak boleh dibataskan kepada perkara tertentu sahaja. Justeru, ia boleh diinterpretasikan secara tersirat kepada hukum-hakam berkaitan *ila'*.

Perbicaraan bagi kes *ila'* boleh dijalankan di Mahkamah Rendah Syariah. Seksyen 50(b), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 memperuntukkan bahawa Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi RM100,00.00 atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan hadhanah atau harta sepencarian).

Memandangkan tuntutan berkaitan *ila'* tidak melibatkan amaun atau nilai wang, maka ia termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah. Bagaimanapun, ia tidak diperuntukkan sebagai suatu kesalahan nyata yang boleh didakwa menurut EUKIM 2002 mahupun Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 1991. Ini tidak bermakna undang-undang menganggap *ila'* sebagai suatu perbuatan yang bermoral. Ketiadaan peruntukan mungkin disebabkan kes *ila'* jarang berlaku dalam masyarakat dan tidak banyak kes yang dilaporkan di Mahkamah Syariah. Oleh sebab itu, badan perundangan memikirkan bahawa peruntukan kesalahan *ila'* tidak perlu digubal dalam enakmen.

Hakikatnya, perbuatan *ila'* boleh didakwa dengan kesalahan menganiaya isteri dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan penalti. Seksyen 128 EUKIM 2002 memperuntukkan bahawa seseorang suami atau isteri yang menganiaya isterinya atau suaminya atau menipu harta isterinya atau suaminya, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM3,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Perkataan menganiaya isterinya dalam peruntukan enakmen di atas boleh diinterpretasikan juga dengan perbuatan *ila'* kerana ia adalah suatu bentuk penganiayaan terhadap isteri secara seksual. Namun, sejauh mana tafsiran ini boleh diterima masih belum dapat dipastikan selagi tiada percubaan dakwaan dilakukan ke atas suami yang dituduh melakukan *ila'* (Juraish Kamaruddin al-Muhami 2008).

CADANGAN PERUNTUKAN SEKSYEN BAGI KESALAHAN *ILA'*

Bagi memudahkan prosiding tuntutan *ila'* diselesaikan di Mahkamah Syariah, maka perlu suatu peruntukan dimasukkan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam. Antaranya memasukkan definisi *ila'* dalam seksyen berkaitan tafsiran perkataan. Kemudian masukkan seksyen yang berkaitan kaedah pembubaran perkahwinan akibat perbuatan *ila'*. Ia hendaklah mengandungi subseksyen seperti syarat-syarat sebelum isteri dibolehkan menuntut pembubaran

perkahwinan, tempoh minimum yang perlu dilalui oleh isteri yang di*ila'*, kaedah pengiraan tempoh *ila'*. Had kuasa hakim dalam memerintahkan talak, kesan pembubaran perkahwinan sama ada bersifat talak bain atau raj'i dan sebagainya.

Selain itu, seksyen berkaitan kewajipan kafarah *ila'* hendaklah dimasukkan. Begitu juga kaedah menunaikan kafarah *ila'* dan tempoh yang boleh diberikan kepada suami untuk melaksanakannya. Jika suami tidak melaksanakan kafarah seperti yang diperintahkan oleh mahkamah, maka hakim berhak mengarahkan suami untuk memilih sama ada menyetubuhi isterinya atau menceraikannya. Sekiranya suami tetap tidak mahu melakukan salah satu daripada pilihan tersebut, hakim berhak menceraikan isterinya secara paksa.

Seperkara penting yang perlu dimasukkan dalam peruntukan ialah kesalahan *ila'* sebagai suatu kesalahan jenayah mal sama ada memperuntukkan seksyen khas atau memperluaskan maksud peruntukan Seksyen 128, EUKIM 2002 mengenai kesalahan menganiaya isteri.

KESIMPULAN

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 (EUKIM 2002) menyenaraikan peruntukan pembubaran perkahwinan adalah perceraian dengan talak (Seksyen 47, EUKIM 2002), perceraian khuluk atau cerai tebus talak (Seksyen 49, EUKIM 2002), perceraian di bawah taklik (Seksyen 50, EUKIM 2002), perceraian dengan li'an (Seksyen 51, EUKIM 2002), perceraian secara fasakh (Seksyen 53, EUKIM 2002) dan termasuk anggapan mati (Seksyen 54, EUKIM 2002). Namun begitu, salah satu aspek dalam bab munakahat iaitu *ila'* tidak diperuntukkan dalam enakmen tersebut. Memandangkan ia tiada peruntukan maka isunya ialah sama ada *ila'* merupakan salah satu faktor pembubaran perkahwinan atau tidak. Konsep *ila'* menyatakan bahawa apabila suami enggan menyetubuhi isterinya walaupun telah cukup tempoh empat bulan, maka isteri berhak membuat aduan kepada hakim. Hakim berhak mengarahkan suami untuk memilih sama ada menyetubuhi isterinya atau menceraikannya. Justeru, pengkaji menyifatkan bahawa *ila'* merupakan salah satu daripada faktor pembubaran perkahwinan. Walau bagaimanapun, ia tidak diperuntukkan dalam enakmen secara khusus dan ini menyebabkan tiada panduan secara bertulis yang boleh dirujuk sekiranya berlaku perbuatan *ila'* dalam masyarakat. Bagaimanapun, bagi pihak terbabit (suami atau isteri) boleh memfailkan kesalahan *ila'* di Mahkamah Syariah berdasarkan Seksyen 128, EUKIM 2002 yang diinterpretasikan secara tersirat sebagai suatu kesalahan berkaitan dengan *ila'*. Justeru, kesalahan *ila'* merupakan kesalahan jenayah mal kerana boleh dipertuduh dan didakwa di bawah seksyen tersebut. Jika seseorang tertuduh disabitkan bersalah, maka dia boleh dikenakan penalti (hukuman) denda tidak melebihi RM3,000.00 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

RUJUKAN

Al-Quran

- al-Dimyati, Abu Bakr Al-Masyhur bin al-Sayyid al-Bakri bin al-Sayyid Muhammad Syata (2002). *I'anat al-Talibin 'ala hil Alfaz Fath al-Muin*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Gharyani, al-Sadiq bin 'Abd. Al-Rahman (2008 M/1429 H). *Al-Ibadat ahkam wa adillah*. Jil. 2. Beirut: Dar Ibn Hazim.
- al-Husaini, Taqiyuddin Abu Bakr bin Muhammad (1416 H/1995 M). *Kifayat al-Akhyar fi Halli Ghayat al-Ikhtisar*. Jil. 2. Dimasyqi: Dar al-Khair li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- al-Jaziri, 'Abdul Rahman (1998). *Al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-Arba'ah*. Jil. 4. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad al-Sayyid al-Sharif (1413M). *Mu'jam al-Ta'rifat*. Kaherah: Dar al-Fadilah.
- al-Sharbini, Muhammad al-Khatib (1958). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Jil. 3. Kaherah: Matba'ah wa Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Tabari, Abi Yahya Muhammad bin Sumadah al-Tujjibi al-Tabari (1995 M/1415 H). *Mukhtasar Tafsir al-Tabari*. Beirut: Dar al-Fajr al-Islami.
- al-Zuhaili, Wahbah (1985). *Al-Fiqh Islami wa Adillatuhu*. Jil. 7. Dimasyk: Dar al-Fikr.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 1991.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002.
- Ibn Kathir, Imam al-Jalil 'Imad al-Din Abi al-Fida' Ismail bin Umar bin Kathir al-Qurashiy al-Dimasyqi (2004 M/1424 H). *Tafsir Ibnu Kathir*. Jil. 2. Al-Riyadh: Dar al-Salam.
- Juraish Kamaruddin al-Muhami (2008). *Memahami Hukum Zihar dan Ila', Kesalahan Seksual Rumahtangga yang Mengakibatkan Perceraian*. Selangor: Darul Minhaj Publisher.
- Mat Saad Abd. Rahman (2007). *Undang-undang Keluarga Islam, Aturan Perkahwinan, Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Tafsir al-Rahman* (2007). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).